

01/04/1998

Pasport baru dilengkapi cip komputer

PENGGUNAAN cip pintar dalam dokumen rasmi sudah bermula. Mulai minggu lalu, dokumen perjalanan elektronik atau pasport elektronik dilengkapi cip yang mempunyai ciri keselamatan serta teknologi tinggi.

Berdasarkan ciri pembacaan mesin, maklumat pemegang pasport seperti maklumat peribadi termasuk cap jari, gambar serta maklumat lain dimasukkan ke dalam cip pasport.

Mesin pembaca maklumat yang ditempatkan di pintu masuk dan keluar negara akan menyemak kandungan dan ini memudahkan operasi pengenalan dan pemeriksaan. Agensi yang bertanggungjawab mengeluarkan dokumen itu, Jabatan Imigresen Malaysia akan mula memperkenalkan pasport elektronik itu di Lembah Klang dan seterusnya ke pejabatnya di seluruh negara.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Datuk Aseh Che Mat berkata langkah memperkenalkan pasport elektronik itu selaras dengan projek permodenan yang giat dilaksanakan.

Katanya, JIM membangunkan sistem perkomputeran secara bersepadu pada awal tahun 1995 dan beberapa sistem telah siap dibangunkan dan mula beroperasi mulai 1998.

Ia membabitkan pembangunan Sistem Kawalan Imigresen, Sistem Keselamatan, sistem Pasport dan Sistem Visa dan Pas.

Dengan peruntukan RM430 juta, projek Permodenan dan Pengkomputeran JIM dijangka akan siap sepenuhnya hujung tahun 1999.

Projek yang dibangunkan oleh PNB IT, Kumpulan Guthrie Berhad dan Iris Technologies (M) Sdn Bhd dan Kumpulan Guthrie Berhad dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu.

(END)